



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PEMBENTANGAN SESI PEMUKIMAN SETAHUN SELEPAS KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024



PELAN TRANSFORMASI

EKONOMI BUMIPUTERA
2035

**KLUSTER PEMBANGUNAN DESA DAN PEMERKASAAN MASYARAKAT
ORANG ASLI**

Pemacu 11: Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli



LATAR BELAKANG

- 1** Kumpulan Kluster Pembangunan Desa dan Pemerkasaan Masyarakat Orang Asli terbahagi kepada dua iaitu pembangunan desa dan pembangunan masyarakat Orang Asli
- 2** Perkara utama di bawah pembangunan desa adalah memastikan tanah Bumiputera dipelihara. Kepentingan ini terbukti dengan tertubuhnya satu lagi kumpulan kluster iaitu Kumpulan Pemerkasaan Tanah Bumiputera (inisiatif daripada YAB Timbalan Perdana Menteri)
- 3** Perkara kedua berhubung pembangunan desa yang utama adalah berkaitan isu kesenjangan digital di kawasan luar bandar yang memerlukan campur tangan serius daripada pihak Kerajaan
- 4** Isu-isu luar bandar yang lain seperti kemiskinan luar bandar yang tinggi, sektor ekonomi yang kurang dinamik dan migrasi penduduk ke bandar terus menyumbang kepada jurang pembangunan yang kian melebar antara kawasan
- 5** Pembangunan desa merupakan topik yang sangat besar dan terlibat dalam semua Pemacu PuTERA35. Ikhtiar-ikhtiar berkaitan pembangunan desa akan dikupas oleh kumpulan-kumpulan kluster yang lain.

LATAR BELAKANG

Kumpulan ini diberi mandat untuk membentangkan isu, cabaran dan cadangan penambahbaikan terutamanya bagi pelaksanaan di bawah Pemasu 11 PuTERA35 iaitu **Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli.**

Pemacu 11: Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli



Pemacu 11 melibatkan 19 ikhtiar yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi. Kerjasama ini bertujuan untuk mencapai pembangunan sosioekonomi bagi masyarakat Orang Asli, meliputi aspek modal insan, keusahawanan, dan infrastruktur.



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PENCAPAIAN



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan modal insan adalah kunci asas untuk meningkatkan taraf kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli

PENDIDIKAN

Seramai **40,932** pelajar Orang Asli di 1,261 sekolah rendah dan 696 sekolah menengah. Ini menunjukkan peningkatan akses pendidikan dan keberkesanan program intervensi yang dilaksanakan untuk mereka.



3 pelajar Orang Asli memenangi pingat emas dalam *International Robot Olimpiad 2024 / 2025*



Nur Syafienaz binti Nazri: Anak Orang Asli pertama di Kelantan mendapat 8A SPM 2024

Perincian Enrolmen Murid Orang Asli di Peringkat Sekolah Rendah Tahun 2023/2024*

BIL	NEGERI	SEKOLAH RENDAH			JUMLAH MURID
		BIL SEKOLAH	LELAKI	PEREMPUAN	
1	Negeri Sembilan & Melaka	186	930	936	1,866
2	Perak & Kedah	230	3,554	3,603	7,157
3	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	254	1,422	1,303	2,725
4	Johor	266	941	954	1,895
5	Pahang	266	4,874	4,849	9,723
6	Kelantan & Terengganu	59	1,264	1,289	2,553
JUMLAH		1,261	12,985	12,934	25,919

Perincian Enrolmen Murid Orang Asli di Peringkat Sekolah Menengah Tahun 2023/2024*

BIL	NEGERI	SEKOLAH MENENGAH			JUMLAH MURID
		BIL SEKOLAH	LELAKI	PEREMPUAN	
1	Negeri Sembilan & Melaka	94	455	543	998
2	Perak & Kedah	124	2,051	2,434	4,485
3	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	161	851	941	1,792
4	Johor	153	482	555	1,037
5	Pahang	127	2,261	2,657	4,918
6	Kelantan & Terengganu	37	835	948	1,783
JUMLAH		696	6,935	8,078	15,013

*berdasarkan Data Aplikasi Pangkalan Data Murid Kementerian Pendidikan Malaysia setakat 31 Mei 2022

PENDIDIKAN

Seramai **12 pelajar** Orang Asli sedang mengikuti pelajaran di Maktab Rendah Sains MARA dan **2,922 graduan** Orang Asli tamat pelajaran di universiti dalam tempoh 2010 hingga 2024



Sebanyak 2,922* pelajar Orang Asli berjaya menamatkan pengajian universiti

*(Data JAKOA 2010-2024)



Susheree Suki: Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dari University College London (UCL), UK dalam bidang Perancangan Bandar & Hartanah 2022

BIL	MRSM	JUMLAH MURID
1	MRSM Kuantan, Pahang	2
2	MRSM Lenggong, Perak	1
3	MRSM Mersing, Johor	2
4	MRSM Muadzam Syah, Pahang	2
5	MRSM Parit, Perak	1
6	MRSM Terendak, Melaka	1
7	MRSM Tun Abdul Razak, Pahang	2
8	MRSM Tun Ghazali Shafie, Pahang	1
JUMLAH		12

Perincian Enrolmen Murid Orang Asli di MRSM Tahun 2025

TAHUN	KEMASUKAN	JUMLAH PELAJAR	TAMAT PENGAJIAN
		TAJAAH TAHUNAN	
2010	160	370	98
2011	216	408	110
2012	282	477	216
2013	382	682	157
2014	376	738	86
2015	354	804	296
2016	308	797	291
2017	323	596	220
2018	253	836	267
2019	154	821	321
2020	184	1,053	271
2021	357	911	202
2022	363	906	60
2023	418	874	32
2024	456	1,332	295
JUMLAH			2,922


Perincian Enrolmen Pelajar Universiti Orang Asli dari tahun 2010 hingga 2024

Program TVET In-situ Negeri Tahun 2024

TVET

Pendidikan TVET juga telah ditawarkan dengan penglibatan seramai **560 pelajar** di Selangor, Johor, Kelantan, Negeri Sembilan dan Melaka

BIL	NEGERI	TARIKH	NAMA PROGRAM	LOKASI	JUMLAH
1	Negeri Selangor & WPKL	30 Mac 2024	Perniagaan Atas Talian Siri 1 Tahun 2024 Negeri Selangor	KOA Sg Judah	15
2		30 Mac 2024	Perniagaan Atas Talian Siri 2 Tahun 2024 Negeri Selangor	KOA Sg Judah	15
3		26 Jun 2024	Asas Kemahiran Elektrik	KOA Kolam Air Bangkong, Sepang	15
4		26 Jun 2024	Perniagaan dalam Talian	KOA Jambu, Sepang	15
5		22 Jun 2024	Asas Kemahiran Elektrik	KOA Serendah	15
		27 Julai 2024	Mengasah Kemahiran (Asas Kemahiran Elektrk)	KOA Tun Raz	30
		12-13 Oct 2024	Mengasah Kemahiran (Seni Tarian Tradisional Siiri 1)	Hotel Pagasus Shah Alam	40
6	Negeri Johor	7 Mac 2024	Dekorasi cupcake dan dandanan rambut	KOA Punjut, Kluang	20
7		10 Mei 2024	Gunting rambut lelaki/perempuan	Politeknik Mersing	20
8		4 Jun 2024	Asas pembuatan kudapan : Popia <i>Cheese</i> /Jejari Ketam	KOA Tambak Dapor	15
9		6 Jun 2024	Asas Gunting Rambut/Solekan	KOA Simpang Arang	20
		20 Jun 2024	Mengasah Kemahiran (Asas Kemahiran Masakan Bakery)	KOA Sri Tembayan	25
		23 Jun 2024	Mengasah Kemahiran (Asas Kemahiran Pembaikan Enjin dan Bakery)	KOA Kuala Benut	20
		23-25 Ogos 2024	Program Kemahiran Tvet Orang Asli (Progran Pemasaran Digital)	PLK Kluang	40
10	Negeri Kelantan	12-14 Mei 2024	Kursus Masakan & Dessert serta Kursus Servis Kenderaan Bermotor	RKB Sg Rual, Jeli, Kelantan	50
11		6 Jun 2024	Kursus Kreatif Digital Card With Canva	Kolej Komuniti Rompin	30
12		13 Julai 2024	Mengasah Kemahiran (Kursus Chessekut & Kursus Cakepop)	Kolej Komuniti Rompin	30
13		3 Ogos 2024	Kursus Mini Kek Tapak Kuda	Kolej Komuniti Rompin	30
14		4 Ogos 2024	Kursus <i>Chocolate Bouquet</i>	Kolej Komuniti Rompin	30
15		10 Ogos 2024	Kursus Memanah Junior	Kolej Komuniti Rompin	30
16		8 September 2024	Kursus Klinik Sukan Badminton	Kolej Komuniti Rompin	30
17	Negeri Sembilan & Melaka	20-23 Ogos 2024	Kursus Pemasaran Digital	Pusat Latihan JAKOA, Kluang	5
18		6-8 November 2024	Kursus Asas Teknologi Pembuat Produk <i>Hydrostone</i>	Hotel Titiwangsa, Cameron Highland	20
JUMLAH					560



Tan Bee Hui a/p Tan Boon Huat, doktor gigi pertama Orang Asli dari Suku Temuan



Senoi Praaq iaitu pasukan polis hutan yang dianggotai oleh masyarakat Orang Asli sejak tahun 1957

Antara Pencapaian Orang Asli dalam Kerjaya

"In 2023, employment in the private sector rose by 57.47 percent from 2019."

Petikan 'National Report submitted pursuant to Human Rights Council Resolutions 5/1 and 16/21'

*'Working Group on the Universal Periodic Review Forty-fifth Session'
22 January –2 February 2024*

KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR ASAS

Infrastruktur yang baik sebagai pemboleh daya untuk meningkatkan kualiti hidup, memajukan masyarakat Orang Asli dan seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi.

PUSAT LATIHAN

Pusat latihan seperti Pusat Latihan JAKOA Paya Bungor (PLPB) di Kuantan, Pahang dan Pusat Transformasi Modal Insan Orang Asli (PUTRA ASLI) bertujuan untuk menyediakan latihan kemahiran kepada masyarakat Orang Asli. Latihan-latihan ini membantu mereka dalam meningkatkan taraf hidup dan menyediakan peluang pekerjaan dalam bidang industri.

Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) berfungsi untuk menyediakan sokongan pendidikan dan latihan khusus. Infrastruktur ini penting bagi membangun potensi pelajar dan memastikan akses yang lebih baik kepada pendidikan.



Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA), Rompin, Pahang



Pusat Latihan JAKOA Paya Bungor (PLPB) di Kuantan, Pahang



Pusat Transformasi Modal Insan Orang Asli (PUTRA ASLI)

ORANG ASLI ONE STOP CENTRE

Orang Asli *One Stop Centre* (OAOSC) Bawong, Sungai Siput, Perak merupakan pusat sehenti yang menyediakan perkhidmatan seperti terminal bas, balai serbaguna dan aktiviti keusahawanan Orang Asli.

OAOSC ini telah memanfaatkan penduduk Orang Asli di Kampung Bawong, Pos Perwor, RPS Legap, Pos Yum, Pos Kuala Mu, Pos Poi dan Pos Piah, Perak



Orang Asli *One Stop Centre* (OAOSC) Bawong, Sungai Siput, Perak

INISIATIF MEMUDAHKAN AKSES KEPADA PERKHIDMATAN

JAKOA melantik Pembantu Am Kebajikan Perubatan (PAKP) dari kalangan Orang Asli tempatan untuk membantu melaksanakan kerja-kerja am di Kampung Orang Asli di kawasan pedalaman

BIL	NEGERI	BILANGAN							
		PAKP MENGIKUT GRED			PUSAT TRANSIT	BALAI RAWATAN	PENDARATAN (LZ)	DOKTOR UDARA**	RADIO WIRELESS
		A	B	C					
1	IBU PEJABAT								1
2	PERAK	0	1	72	3	30	1	0	2
3	KELANTAN DAN TERENGGANU	5	11	13	1	20	23	23	23
4	PAHANG	0	11	4	3	43	11	4	22
5	SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN	0	0	7	0	7	0	0	0
6	JOHOR	0	0	14	0	14	0	0	0
7	NEGERI SEMBILAN DAN MELAKA	0	0	10	0	10	0	0	0
JUMLAH*		5	23	120	7	124	35	27	48

* Data sehingga 20 Mei 2025

** di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia




Krew doktor udara bersama
Masyarakat Orang Asli Kampung
Pnead Gua Musang



Penduduk Orang Asli menerima
rawatan di Balai Rawatan KOA
Simpang Arang, Gelang Patah, Johor

INFRASTRUKTUR ASAS

- **737 kampung** (86%) telah dibekalkan dengan bekalan elektrik;
- **736 kampung** (86%) telah menerima bekalan air bersih;
- **755 kampung** (88%) telah menerima pembinaan jalan kampung; dan
- **16,639** keluarga Orang Asli telah menerima faedah daripada pembaikan rumah, pembinaan rumah baharu dan projek kemudahan.



- Rangkaian jalan perhubungan desa dari Kuala Betis - Pos Bihai - Pos Belatim - Pos Balar - Pos Hau - Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan sepanjang 94km (jangka siap tahun 2027)
- Manfaat sosioekonomi kepada lebih 7,000 penduduk



Kerja-kerja pembinaan talian grid
dan pendawaian elektrik



Kerja-kerja penurapan jalan
perhubungan



Projek bina baru dan baik pulih
rumah Orang Asli



Kemudahan bekalan air bersih
dan terawat

PROGRAM CSR juga dilaksanakan dengan kerjasama syarikat swasta

Projek Solar bersama Energy Action Partners (ENACT)



Projek solar dengan kerjasama ENACT bersama komuniti di Kampung Sempar, Kampung Cerewes dan Kampung Kemian, Pos Titom Pahang

Program CSR Sinar Harapan (*Ray's of Hope*) oleh PETRONAS



Projek pemasangan sistem solar untuk 2,198 buah rumah di 65 buah kampung di Perak, Pahang dan Kelantan



39 sistem penapisan air (*waterlily*) dan 44 tandas komuniti telah dipasang di 11 kampung di Pahang dan Perak.



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PERNYATAAN MASALAH, IMPLIKASI & *WAY FORWARD*



Fokus 1:

Digital Luar Bandar

Capaian internet di kawasan luar bandar adalah amat penting dalam memastikan penduduk desa dapat memanfaatkan usaha negara dalam pendigitalan dan tidak ketinggalan dalam arus perdana

Digital Luar Bandar melibatkan sekurang-kurangnya dua pemacu iaitu:

1:

Pemacu 2

Ikhtiar 10

Menggalakkan Bumiputera memanfaatkan platform digital dan teknologi kewangan (*fintech*) melalui penyediaan program bersasar

Ikhtiar 17

Meningkatkan program kesedaran dan latihan penggunaan teknologi dan pendigitalan

2:

Pemacu 11

Ikhtiar 10

Membangunkan kapasiti dan penglibatan Orang Asli dalam bidang keusahawanan termasuk pemasaran digital

Permasalahan

- 1** Tiada penekanan dalam dokumen PuTERA35 berhubung penyediaan infrastruktur digital sebagai pemboleh daya bagi merealisasikan pelaksanaan Ikhtiar-ikhtiar berhubung pendigitalan

- 2** Penyediaan infrastruktur digital di kawasan luar bandar yang tidak mencukupi dan jauh ketinggalan berbanding di kawasan bandar

- 3** Penyediaan infrastruktur digital dan **akses internet** lebih tertumpu kepada kawasan berkepadatan penduduk yang tinggi dan bersifat meraih keuntungan

Kesan/Implikasi

- 1** Jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar kian melebar terutamanya dalam ketersambungan internet dan digital

- 2** Komuniti luar bandar kurang berpeluang untuk memanfaatkan sepenuhnya program-program digital seperti keusahawanan digital, *fintech* dan lain-lain

Digital Luar Bandar


Way Forward

Kementerian dan agensi bertanggungjawab perlu memainkan peranan serius dalam usaha **membekalkan capaian internet** di kawasan luar bandar secara menyeluruh dengan pendekatan '*cross boundary and beyond of profit making*'.

Pihak Terlibat

- Kementerian Ekonomi
- Kementerian Komunikasi
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Fokus 2: Pindaan Perlembagaan Persekutuan



Pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan berhubung kebajikan dan pembangunan Orang Asli

Pindaan Perlembagaan Persekutuan disentuh dalam

Pemacu 11

Ikhtiar 5

Pindaan Senarai 1 ke Senarai 3 – Kebajikan dan Pembangunan Orang Asli sebagai tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Pindaan Perlembagaan Persekutuan

Permasalahan

- 1** Pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan mengambil masa yang panjang
- 2** Tiada peruntukan khas dalam Perlembagaan Persekutuan berhubung hak Istimewa Orang Asli

Kesan/Implikasi

Orang Asli tidak mendapat keistimewaan sepertimana Orang Melayu contohnya daripada segi perizaban kuota berkenaan perkhidmatan, permit, biasiswa dan sebagainya.

Pindaan Perlembagaan Persekutuan

Way Forward

1 Kajian pindaan Perlembagaan Persekutuan termasuk perkara di bawah Perkara 153 berhubung Orang Asli termasuk **status rizab Tanah Orang Asli** agar setaraf dengan rizab Tanah Melayu serta Tanah Adat (*NCR Land*) di Sabah dan Sarawak

2 Mewujudkan satu **Jawatankuasa Khas Pindaan Perlembagaan Persekutuan** berhubung perkara ini yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan ahli terdiri daripada Ketua Menteri dan Menteri Besar. Perkara ini dicadang untuk dibentangkan di Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri

Pihak Terlibat

- Jabatan Peguam Negara
- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Jabatan Kemajuan Orang Asli
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
- Kerajaan Negeri



Fokus 3:

Akta dan Dasar Orang Asli

Pindaan ke atas Akta Orang Asli 1954 (Akta 153) dan Dasar Pembangunan Orang Asli

Fokus 3 meliputi dua perkara iaitu:

(i)

Pindaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)

Pemacu 11

Ikhtiar 6

Meminda Perlembagaan Persekutuan berkaitan Orang Asli di bawah Jadual Satu ke dalam Jadual Tiga dan pindaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)

Cadangan pindaan Ikhtiar 6:

Pindaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134):

- Mengadakan Majlis Orang Asli
- Peraturan pelantikan Batin-batin dan Ketua Adat
- Peruntukan pendaftaran perkahwinan masyarakat Orang Asli
- Urus tadbir masyarakat Orang Asli yang lain

(ii)

Penambahbaikan Dasar Pembangunan Orang Asli

Pemacu 11

Ikhtiar 2

Menggubal dasar pembangunan sosioekonomi Orang Asli termasuk berkaitan Kesihatan, pemilikan aset, modal insan dan pemeraksanaan JAKOA

(i) Pindaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)

Permasalahan

- 1** Peruntukan Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] dan dasar sedia ada yang lapuk dan kurang relevan dengan keadaan semasa.
- 2** Peruntukan yang kurang jelas dalam Akta 134 berkaitan dengan pelaksanaan perundangan semasa mengenai kehidupan masyarakat Orang Asli.

Kesan/Implikasi

Peruntukan undang-undang dan dasar sedia ada tidak relevan untuk memberi perlindungan, kesejahteraan dan kemajuan kepada masyarakat Orang Asli termasuk komitmen negara di peringkat antarabangsa

(i) Pindaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)

Way Forward

Draf dokumen **pindaan Akta 134** bagi syor ke
Jemaah Menteri

Pihak Terlibat

- Jabatan Peguam Negara
- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Jabatan Kemajuan Orang Asli
- Kementerian Kewangan
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Kerja Raya
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- Kementerian Pengajian Tinggi
- Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Kementerian Ekonomi

(ii) Penambahbaikan Dasar Pembangunan Orang Asli

Permasalahan

Jurang pelaksanaan peruntukan Akta 134 sedia ada berbanding keperluan semasa dan peruntukan pada Akta-akta lain

Kesan/Implikasi

Peruntukan undang-undang dan dasar sedia ada tidak relevan untuk memberi perlindungan, kesejahteraan dan kemajuan kepada masyarakat Orang Asli termasuk komitmen negara di peringkat antarabangsa

(ii) Penambahbaikan Dasar Pembangunan Orang Asli

Way Forward

Satu **pelan dasar pembangunan** yang komprehensif untuk memperkukuh tadbir urus dan pembangunan Orang Asli

Pihak Terlibat

- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Jabatan Kemajuan Orang Asli
- *United Nations Development Programme*
- Kementerian Ekonomi
- Kerajaan Negeri

Fokus 4:

Tanah Orang Asli

ke arah Pewartaan Tanah Rizab Orang Asli yang lebih banyak

Fokus 4 meliputi dua perkara iaitu:

(i)

Pewartaan lebih banyak Tanah Rizab Orang Asli

Pemacu 11

Ikhtiar 1

Mengkaji Cadangan mewartakan lebih banyak kawasan rizab Orang Asli

(ii)


Peningkatan infrastruktur asas seperti jalan serta bekalan air dan elektrik

Pemacu 11

Ikhtiar 17

Meningkatkan infrastruktur sedia ada termasuk jalan, bekalan air, elektrik dan telekomunikasi

(i) Pewartaan lebih banyak Tanah Rizab Orang Asli



JAKOA telah menetapkan sasaran sebanyak 363 Kampung Orang Asli (KOA) untuk diwartakan.

Sehingga Januari 2025, sebanyak **317 KOA** dengan keluasan **36,094.165 hektar** telah selesai diwartakan.

Kampung Orang Asli yang diwartakan di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 828) dan lain-lain peruntukan

(i) Pewartaan lebih banyak Tanah Rizab Orang Asli

Permasalahan

Sebanyak 317 KOA yang telah diwartakan berbanding sasaran 363 KOA; iaitu 45% daripada KOA yang diiktiraf. Walau bagaimanapun, terdapat **isu kelewatan** kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri

Kesan/Implikasi

Kegagalan pewartaan tanah yang lebih luas akan menyukarkan pelaksanaan lebih banyak lagi projek pembangunan di kawasan Orang Asli

(i) Pewartaan lebih banyak Tanah Rizab Orang Asli

Way Forward

Mengangkat kertas kerja **permohonan pewartaan tanah** kepada
Majlis Tanah Negara

Pihak Terlibat

- Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa
- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
- Pejabat Tanah dan Galian Negeri
- Jabatan Perhutanan Negeri
- Jabatan Perhilitan
- Jabatan Alam Sekitar
- Jabatan Kerja Raya
- Jabatan Pengairan dan Saliran
- Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
- Pihak Berkuasa Tempatan

(ii) Peningkatan infrastruktur asas seperti jalan serta bekalan air dan elektrik

Permasalahan

Infrastruktur asas yang masih terhad dan tidak mencukupi di kawasan Orang Asli

Kesan/Implikasi

- 1** Kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli terjejas dan tercicir dari arus perdana
- 2** Ketersambungan dan mobiliti yang terhad menyukarkan pelaksanaan projek pembangunan di kawasan Orang Asli.

(ii) Peningkatan infrastruktur asas seperti jalan serta bekalan air dan elektrik

Way Forward

Pertimbangan **kelulusan** lebih banyak **projek pembangunan** di peringkat Persekutuan dan Negeri di kawasan Orang Asli

Pihak Terlibat

- Kementerian Ekonomi
- Kementerian Kewangan
- Kerajaan Negeri

Fokus 5:

Perumahan Orang Asli

Isu mengatasi pemilikan perumahan dalam kalangan Orang Asli yang tidak mencukupi

Perumahan Orang Asli dinyatakan dalam

Pemacu 11

Ikhtiar 4

Meneliti cadangan pemilikan rumah Orang Asli melalui skim pinjaman perumahan Orang Asli

Perumahan Orang Asli

Permasalahan

- 1** Tiada status pemilikan yang jelas atas tanah walaupun tanah telah diduduki sejak turun temurun
- 2** Generasi kedua turut terjejas dalam pemilikan rumah disebabkan tidak layak syarat pinjaman perumahan sedia ada

Kesan/Implikasi

- 1** Menimbulkan masalah pemilikan rumah yang sah dari segi undang-undang
- 2** Rumah sedia ada terlalu padat dan kurang selesa untuk dihuni

Way Forward

- 1** Menyediakan **skim Rumah Generasi Kedua** di kawasan penempatan Orang Asli.
- 2** Mengkaji cadangan **skim permulaan pinjaman perumahan** kepada golongan Orang Asli yang mempunyai pekerjaan tetap

Pihak Terlibat

- Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Jabatan Kerja Raya
- Jabatan Pengairan dan Saliran
- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
- Pejabat Tanah dan Galian Negeri
- Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
- Jabatan Perhutanan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa
- Pejabat Tanah dan Daerah
- Jabatan Perhilitan

Fokus 6:

Pendidikan Orang Asli

Pendidikan sebagai asas utama meningkatkan kesejahteraan hidup Orang Asli

Pendidikan Orang Asli meliputi 3 perkara iaitu:

Pemacu 11

(i) **Ikhtiar 12**

Meningkatkan jumlah asrama pusat untuk anak Orang Asli seperti Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA), Rompin

(ii) **Ikhtiar 13**

Memperkasa Masyarakat Orang Asli melalui TVET

(iii) **Ikhtiar 16**

Mewujudkan mekanisme pemantauan pendidikan dan laluan kerjaya Orang Asli termasuk penyediaan biasiswa dan bantuan pendidikan

(i) Peningkatan asrama pusat untuk anak Orang Asli (PIPOA)

Permasalahan

Kurang daya saing di kalangan pelajar Orang Asli akibat kurang pergaulan dengan pelajar dari bangsa lain

Kesan/Implikasi

Prestasi pelajar Orang Asli yang jauh lebih rendah berbanding pelajar bangsa lain

Way Forward

Cadangan Pembangunan PIPOA di 2 zon:

- Zon Selatan: Melaka, Johor dan Negeri Sembilan
- Zon Utara: Selangor, Perak dan Kedah

Pihak Terlibat

- Kementerian Ekonomi
- Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pihak Berkuasa Negeri

(ii) Pemerkasaan TVET Orang Asli

Permasalahan

- 1** Kebolehcapaian internet di kawasan pedalaman yang lemah
- 2** Tahap Pendidikan formal (penguasaan 4M) yang rendah dalam kalangan anak-anak Orang Asli

Kesan/Implikasi

Tahap kemahiran teknikal yang rendah

Way Forward

Pengoperasian Pusat Latihan JAKOA sebagai Pusat TVET

Pihak Terlibat

- GIATMARA
- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
- Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
- Akademi Binaan Malaysia
- Kolej Komuniti

(iii) Mekanisme pemantauan pendidikan Orang Asli

Permasalahan

- 1 Kesukaran mendapatkan data kehadiran atau pengesahan murid hadir ke sekolah
- 2 Isu keciciran murid Orang Asli sering dipertanggungjawabkan kepada JAKOA walaupun di bawah bidang seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia

Kesan/Implikasi

Kadar keciciran murid Orang Asli ke sekolah berpotensi untuk meningkat

Way Forward

Membangunkan **sistem MyJAKOA** untuk pemantauan kehadiran dan keciciran murid Orang Asli ke sekolah yang lebih berkesan

Pihak Terlibat

- Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pengajian Tinggi
- Kementerian Digital
- Bank Negara Malaysia
- Jabatan Kemajuan Orang Asli

Fokus 6:

Warisan dan Kebudayaan

Orang Asli

yang perlu dipelihara dalam memastikan tradisi dan warisan Orang Asli **tidak pupus**

Warisan dan kebudayaan Orang Asli dinyatakan dalam

Pemacu 11

Ikhtiar 15

Mendokumentasi dan mempromosi adat dan budaya Orang Asli

Warisan dan kebudayaan Orang Asli

Permasalahan

- 1** Ketidadaan sumber rujukan yang lengkap berkaitan budaya dan warisan **18 suku kaum Orang Asli** termasuk pakaian, makanan, seni budaya dan seni warisan
- 2** Kekurangan bahan rujukan bagi tujuan pendidikan, penyelidikan serta pemeliharaan dan pemuliharaan budaya Orang Asli

Kesan/Implikasi

Generasi masa kini kurang mengetahui dan mengenali adat budaya dan warisan masyarakat Orang Asli. Sekiranya tiada tindakan diambil, adat budaya dan warisan Orang Asli akan pupus dan ditinggalkan

3 hala tuju dicadangkan bagi **warisan dan kebudayaan Orang Asli** iaitu:

Way Forward

- 1** Mengkaji cadangan mewujudkan **Kampung Budaya Orang Asli**
- 2** Mewujudkan **Institut Pembangunan dan Warisan Budaya Orang Asli**
- 3** Sambutan **Hari Orang Asli Sedunia** pada **9 Ogos** secara besar-besaran

Pihak Terlibat

- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
 - Kerajaan Negeri
-
- Kementerian Ekonomi
 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
 - Jabatan Kemajuan Orang Asli
 - Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEKIAN TERIMA KASIH

